

**Umno mahu pecahkan Pakatan bila cadang kerjasama, kata Zaid
Malaysian Insider
Sept 19 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis**

Kesediaan Umno untuk mewujudkan kerjasama dengan pembangkang khususnya dengan PAS hanyalah sekadar usaha memecahbelahkan Pakatan Rakyat (PR), kata bekas menteri dari Umno, Datuk Zaid Ibrahim.

Zaid, 63, dalam temuramah eksklusif dengan The Malaysian Insider berkata, kesediaan mewujudkan kerjasama yang dilontarkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hanyalah untuk memanasakan keadaan dan bukan tindakan ikhlas untuk mewujudkan kerjasama berkenaan.

"Muhyiddin mengambil kesempatan, PAS perlu kekal dalam Pakatan," katanya, dan menambah lontaran Muhyiddin dibuat memandangkan wujudnya gesaan dari sayap Ulama PAS untuk mengkaji semula hubungan parti Islam berkenaan dengan rakan komponen pembangkang dari PKR.

Zaid yang meninggalkan Umno selepas 23 tahun bersama parti Melayu itu berkata, PAS perlu kekal dalam PR bagi mengekalkan sistem dwi parti seperti sedia ada.

Muhyiddin pada Selasa lalu berkata, Barisan Nasional (BN) sentiasa terbuka mengambil apa jua langkah termasuk mengadakan perbincangan bersama PAS bagi tujuan menyatupadukan umat Islam.

"Kita tidak kisah bekerja bersama PAS atau Pakatan sekiranya ia demi kepentingan Muslim di negara ini dan kita yakin sekiranya Umno bekerjasama dengan PAS banyak yang dapat dicapai," katanya dalam Program Sesi Dialog Timbalan Perdana Menteri bersama pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak.

Sementara itu, Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Harun Taib dalam ucaptamanya semasa Multaqa Ulama Se-Malaysia yang dianjurkan PAS mencadangkan kerjasama politik di antara parti Islam itu dan PR terutamanya PKR dikaji semula.

Ini ekoran rasa tidak puashati mereka dalam kerjasama dengan PR khususnya PKR.

Cadangan itu kemudiannya diangkat sebagai resolusi dalam multaqa itu.

"Umno bukan inginkan sangat dia (PAS), tetapi dalam PAS memang ada kumpulan yang inginkan kerjasama dengan Umno," kata Zaid yang pernah bersama PKR selama setahun sebelum mewujudkan Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA).

Kerajaan perpaduan antara Umno dan PAS telah lama diperkatakan, namun Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat menolak idea berkenaan.

"Selagi saya masih hidup saya tidak akan benarkan usaha untuk menjalin kerjasama PAS dan Umno dilakukan," kata bekas Menteri Besar Kelantan itu.

"Tidak ada sesiapaupun mengatur usaha untuk mengadakan kerjasama antara PAS dan Umno apa lagi secara senyap-senyap, parti ini terbuka kepada orang ramai dan milik ahli," katanya.

Umno berjaya menambah kerusi dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei lalu, dengan pertambahan kepada 133 daripada 88 kerusi pada pilihan raya sebelumnya.

Manakala PAS kehilangan Kedah, namun masih kekal di Kelantan.

Nik Aziz mendakwa Umno sejak awal lagi menolak dasar Islam sebagaimana yang diperjuangkan oleh PAS dan selain persoalan dasar parti, banyak lagi perkara yang perlu dikaji terhadap kesilapan Umno dalam perjuangan mereka. – 19 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-mahu-pecahkan-pakatan-bila-cadang-kerjasama-kata-zaid>